



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld.2 (15)
Tarikh : 7 Julai 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y. Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan / Puan

**SURAT EDARAN JANM KEDAH BIL.7 TAHUN 2022
PEMURNIAN DATA AKAUN PUKAL DI iGFMS DAN SISTEM AGENSI PUKAL OLEH PUSAT
TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

Dengan hormatnya Surat Edaran BPOPP Bilangan 8 Tahun 2022 bertarikh 27 Jun 2022 adalah dirujuk.

2. Berdasarkan kepada isu lebih bayaran pukal yang berlaku di PTJ, antara punca-punca berlakunya isu tersebut adalah seperti berikut :

- 2.1 PTJ telah berpindah/ tutup iaitu tidak lagi menduduki premis berkenaan, namun PTJ tidak membuat pembatalan akaun pukal yang didaftarkan untuk premis berkenaan menyebabkan pembayaran akaun pukal tersebut masih diteruskan dan menyebabkan lebih bayaran.
- 2.2 PTJ tidak membuat semakan ke atas bil dan laporan pukal selaras Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 yang menyatakan perkara berikut :

***SPANM Bil. 7 Tahun 2018 - Lampiran I-3: Contoh Kaedah
Semakan Baki Pengesahan Maklumat Perakaunan Dan
Kewangan Dalam Laporan***

Semak Laporan Bulanan Pembayaran Pukal dengan Laporan Kedudukan
Vot/Dana – Terperinci.

- (i) Pastikan maklumat berikut tepat seperti yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal:
 - a. Kumpulan PTJ dan PTJ Dipertanggung
 - b. Vot Dipertanggung
 - c. Program/Aktiviti
- (ii) Pastikan pembayaran dilakukan kepada invois yang betul.

Justeru pembayaran akaun pukal yang tidak aktif masih diteruskan dalam tempoh bertahun-tahun tanpa pengetahuan PTJ. Perkara ini boleh menyebabkan berlaku kehilangan wang awam sekiranya lebih bayaran gagal dikutip.

3. Sehubungan itu, *task force* secara berfasa mengikut agensi perlu dilaksanakan bagi memastikan semua akaun pukal di PTJ yang aktif adalah sah untuk dibayar. Berikut merupakan pelaksanaan pemantauan di peringkat PTJ selanjutnya:

3.1 Pejabat Perakaunan memberikan data bagi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TM), Indah Water Konsortium (IWK) dan Syarikat Air (SADA, PBAPP, SAP) yang telah diekstrak oleh BPOPP sehingga 17 Jun 2022 kepada PTJ bagi pemurnian data akaun pukal fasa 1 ini. Pengesahan terperinci dari PTJ diperlukan seperti di dalam link berikut :

<https://docs.google.com/spreadsheets/d/1qNoh9kEfxdGsdH8HPmBEtZ-Ud86MxWu0qETqMcPyJaE/edit?usp=sharing>

3.2 Pengesahan PTJ seperti di perkara 3.1 hendaklah disempurnakan selewat-lewatnya pada 10 Ogos 2022 (Rabu) bagi tujuan pelaporan oleh Pejabat Perakaunan selanjutnya. Walau bagaimanapun, pengharmonian ini hendaklah dilaksanakan secara berterusan oleh PTJ selanjutnya.

5. Kerjasama dan komitmen semua Jabatan dan PTJ berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul ”

Saya yang menjalankan amanah,



ARSHAD BIN ABDUL RAHMAN c.A.(M)
Ketua Seksyen Operasi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman